

## YSM bantu 150 anak yatim beli peralatan sekolah

**BANTU.** Bagi meringankan beban untuk perbelanjaan peralatan persekolahan, Yayasan Sayang Mutiara (YSM) mengambil pendekatan memberi sumbangan kepada 150 orang kanak-kanak tidak bernasib baik dari Rumah Anak Yatim Siti Khadijah, Meru, Klang.

Sumbangan berupa beg dan alat tulis itu telah disampaikan oleh Pengerusi YSM, Datuk Ahmad Kemin dalam satu majlis khas

baru-baru ini.

Menurut Ahmad, sumbangan yang diberikan oleh pihaknya diharap dapat mendorong kanak-kanak ini untuk berusaha dengan lebih gigih dan mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Hadir sama Pengurus Rumah Anak Yatim Siti Khadijah, Hasnah Bahari dan Pegawai Operasi YSM, Mohd. Awee Sidek.



**AHMAD KEMIN** bermesra dengan sebahagian anak-anak yatim pada majlis sumbangan YSM di Klang baru-baru ini.